- Perjanjian palsu.
- Potongan harga yang tidak dibenarkan.
- Derma politik atau amal.
- Sogokan.

- Nikmat atau keistimewaan khas.
- Tawaran pekerjaan atau pinjaman.
- Apa-apa yang bernilai, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran, makanan, hadiah, hiburan dan perbelanjaan perjalanan.

## Akibatnya

Banyak negara memiliki undang-undang dan peraturan yang ketat mengenai rasuah, sogokan dan kelebihan yang tidak wajar. Kegagalan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan ini dapat mengakibatkan tindakan kriminal dan sivil, seperti denda yang tinggi atau penjara, terhadap Syarikat dan individu yang terlibat.

Undang-undang ini merangkumi pelbagai aktiviti, jadi adalah penting agar anda memahami bagaimana pekerjaan dan tanggungjawab anda mungkin terjejas. Tanyakan kepada pihak pengurusan atau hubungi bahagian Sumber Pematuhan jika anda mengetahui adanya pengaturan atau perjanjian yang sebenarnya atau berpotensi mungkin bermasalah atau jika anda mempunyai pertanyaan atau masalah mengenai undang-undang atau polisi yang digunakan.





Kami menjaga komuniti kami

### 3.4 Perdagangan Orang Dalam

## Jangan sekali-kali menukar maklumat dalaman

Semasa bekerjasama sebagai satu pasukan, kadang-kadang kami mendengar maklumat yang bukan umum mengenai Syarikat kami atau syarikat lain. Sekiranya maklumat bukan umum ini menjadi umum, ia mungkin mempengaruhi individu lain untuk membeli, menjual atau menyimpan saham syarikat. Menggunakan maklumat bukan umum ini untuk kepentingan peribadi atau kewangan anda - atau untuk kepentingan individu lain yang anda kenali - dianggap sebagai perdagangan orang dalam. Ia tidak beretika dan bertentangan dengan undang-undang. Oleh itu, kami tidak pernah mendedahkan maklumat bukan umum kepada keluarga, rakan atau sesiapa sahaja di luar Syarikat.



## Ingat

Apakah maklumat dalaman?

- Maklumat dalaman merujuk pada maklumat bukan umum mengenai rancangan, produk, operasi, kewangan syarikat atau hal-hal lain yang, jika diungkapkan, dapat digunakan untuk memperoleh keuntungan material peribadi atau mungkin dapat mempengaruhi harga saham AGC atau syarikat tersenarai yang lain.

Contoh maklumat dalaman termasuk:

- Ramalan kewangan.

## Soalan

Baru-baru ini saya dilantik sebagai pengurus akaun syarikat perdagangan awam. Saya ingin mempunyai kepentingan kewangan dalam syarikat, jadi saya merancang untuk membeli saham. Namun, sebelum saya melakukan pembelian, seorang pekerja syarikat tersebut menyatakan bahawa syarikat itu akan membuat perolehan menguntungkan pada bulan depan. Bolehkah saya meneruskan rancangan asal saya untuk membeli saham?

## Jawapan

Tidak, anda tidak dibenarkan. Sebaik sahaja anda menerima maklumat dalaman mengenai syarikat — walaupun pada awalnya anda merancang untuk membeli saham sebelumnya — anda tidak boleh mengambil tindakan sehingga maklumat tersebut menjadi umum. Peraturan ini terpakai sama ada anda pekerja syarikat tersebut atau tidak. Sekiranya anda mempunyai kebimbangan atau ketidakpastian, hubungi jabatan yang bertanggungjawab untuk komunikasi atau bahagian Sumber Pematuhan.

- Maklumat mengenai Penyelidikan & Pembangunan termasuk produk atau teknologi baru.
- Segala maklumat yang berkaitan dengan penggabungan, pengambilalihan, penjualan atau operasi perniagaan baru.

Siapa orang dalam?

- Individu yang mengetahui maklumat dalam mengenai AGC Inc. dan syarikat perdagangan awam lain.

Kepada siapa anda tidak harus memberitahu maklumat dalaman?

- Anda hanya boleh berkongsi maklumat dalaman berdasarkan keperluan yang perlu diketahui kepada individu yang mempunyai kebenaran yang sah untuk mengetahui maklumat tersebut dan dengan kawalan yang betul.

### Akibatnya

Melanggar undang-undang perdagangan orang dalam boleh mengakibatkan hukuman jenayah atau sivil bagi individu dan Syarikat. Sekiranya anda bimbang bahawa suatu aktiviti melanggar undang-undang perdagangan orang dalam atau Tata Kelakuan ini, segera hubungi Bahagian Komunikasi Korporat & Hubungan Pelabur di Ibupejabat atau bahagian Sumber Pematuhan.



## Maklumat Serantau Untuk Malaysia

### 1.1 Akta Persaingan dan Peraturan Persaingan

Akta Persaingan Malaysia 2010 (Akta 712) (“Akta”) telah digubal untuk melarang perjanjian anti-pesaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran. Objektif Akta ini adalah untuk melindungi kepentingan pengguna dengan menggalakkan persaingan dan larangan anti-pesaingan.

Akta ini melarang perjanjian di antara perusahaan yang mempunyai sama ada objek atau kesan yang boleh menghalang, menyekat atau memesongkan persaingan dengan ketara di Malaysia. Akta ini menyediakan garis panduan khusus sektor untuk melarang tingkah laku dan amalan anti persaingan. Seksyen 1-3, sebagai contoh, menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta, dan takrifan serta tafsiran istilah yang digunakan di dalamnya. Ia juga menetapkan penggunaan Akta tersebut, iaitu pada mana-mana aktiviti komersial dalam Malaysia dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan ke atas persaingan di mana-mana pasaran di Malaysia.

Akta ini mengandungi tiga bahagian utama. Ianya adalah:

- (a) Seksyen 4-9 (Bab 1-Amalan Anti Pesaingan): Perjanjian mendatar atau menegak yang mempunyai objek atau kesan yang boleh menghalang, menyekat atau memesongkan persaingan dengan ketara;
- (b) Seksyen 10 (Bab 1-Penyalahgunaan Kedudukan Dominan): Sebarang tingkah laku bebas atau kolektif oleh sesebuah perusahaan yang merupakan penyalahgunaan kedudukan dominannya dalam mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan; dan
- (c) Seksyen-14-34 (Penyiasatan dan Penguatkuasaan): Ini melibatkan penyiasatan yang mungkin dijalankan jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar mana-mana larangan di bawah Akta.

Akta ini dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebuah badan berkuasa yang ditubuhkan pada 1 April 2011 menurut Bahagian 1 Akta Suruhanjaya Persaingan.

### Komunikasi dengan Pesaing

Komunikasi/mesyuarat dengan syarikat-syarikat pesaing dan penyertaan dalam persatuan perdagangan hanya dibenarkan secara terhad, dan hanya sejauh mana ia tidak menimbulkan keimbangan di bawah Akta. Ringkasan keperluan berkenaan dengan komunikasi dengan pesaing di bawah Akta dan undang-undang Malaysia yang lain adalah seperti yang berikut.

- (1) Komunikasi dan/atau Pertemuan dengan Syarikat Pesaing

(1.1) Komunikasi dan/atau pertemuan dengan pesaing hanya boleh dibuat apabila diperlukan untuk melaksanakan hubungan perniagaan yang sah dan khusus, seperti jenis-jenis pengilangan OEM, lesen, konsainan jualan, usahasama, atau rakan kongsi teknologi.

(1.1) Perbincangan di pertemuan tersebut hendaklah terhad kepada perkara yang berkaitan dan diperlukan untuk tujuan perniagaan di atas, dan pertukaran sebarang maklumat lain hendaklah dielakkan. Selain itu, kakitangan jualan tidak dibenarkan hadir ke mesyuarat melainkan jika terdapat keperluan yang sah.

## (2) Penyertaan dalam Persatuan Perdagangan

Di Malaysia, pembentukan persatuan perdagangan dikawal di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984. Sementara syarikat mengiktiraf manfaat penyertaan dalam persatuan perdagangan sedemikian, semua pekerja dinasihatkan untuk memastikan bahawa mana-mana persatuan perdagangan yang dipertimbangkan untuk disertai adalah sah dan didaftarkan dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) di bawah Kementerian Dalam Negeri.

(2.1) Penyertaan di dalam persatuan perdagangan hanya dibenarkan jika tujuan dan butiran aktivitinya ditakrifkan dengan jelas di dalam konvensyen persatuan, dan persatuan itu mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan.

Penglibatan secara tidak formal di dalam organisasi/pertemuan dengan syarikat pesaing mesti dielakkan.

(2.2) Perbincangan di persatuan perdagangan hendaklah terhad kepada perkara yang berkaitan dengan skop tujuan aktiviti mereka dan pertukaran maklumat yang lain hendaklah dielakkan. Selain itu, kakitangan jualan tidak dibenarkan hadir ke mesyuarat tersebut melainkan jika terdapat keperluan yang sah.

(2.3) Perbincangan di persatuan perdagangan hendaklah terhad kepada perkara-perkara berikut yang tidak mengakibatkan tingkah laku kartel dan memberi manfaat sosial dan awam:

- Menetapkan spesifikasi dan piawaian umum berdasarkan keperluan sosial dan awam seperti hal ehwal alam sekitar dan/atau keselamatan
- Melakukan aktiviti perhubungan awam dan penyebaran maklumat untuk tujuan seperti meningkatkan kedudukan keseluruhan industri, mempromosikan permintaan dan menyebarkan maklumat tentang penggunaan yang betul.
- Walaupun anda dan AGC tidak terlibat secara aktif dalam kartel, sikap yang tidak jelas boleh dianggap sebagai pengambilan bahagian di dalamnya.

Akta ini mencerminkan Garis Panduan AntiAmanah AGC dan Garis Panduan Berkenaan Hubungan dengan Syarikat-Syarikat Pesaing dan Persatuan Perdagangan untuk Jepun/Asia. Semua kakitangan AGC Malaysia juga dikehendaki mematuhi garis panduan AGC ini.

## **Perkara-perkara Penting**

- Jangan terlibat di dalam tingkah laku pemangsa terhadap pesaing, seperti harga yang terlalu rendah dan mengehadkan pengeluaran/pasaran.
- Apabila suatu transaksi yang dicadangkan (cth. cadangan penggabungan atau pengambilalihan) mempunyai kebimbangan persaingan, sama ada serahkan permohonan rasmi kepada MyCC atau hubungi MyCC untuk menyediakan ruang pertanyaan atau perbincangan.
- Mematuhi Garis Panduan AntiAmanah AGC dan Garis Panduan Berkennaan Hubungan dengan Syarikat Pesaing dan Persatuan Perdagangan untuk Jepun/Asia

### **Undang-undang Utama Berkennaan**

Akta Persaingan 2010 (Akta 712)

Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC

- Garis Panduan Antitrust AGC (Lihat di bawah)
- Garis panduan mengenai hubungan dengan syarikat pesaing dan persatuan perdagangan untuk Jepun/Asia (Lihat di bawah)

### **Garis Panduan Antimonopoli AGC Ditubuhkan September 2005**

1. Sebelum mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat pesaing (termasuk pertemuan dengan persatuan perdagangan), ambil langkah-langkah yang mungkin untuk mengesahkan sama ada objektif pertemuan tersebut adalah sesuai dari perspektif undang-undang yang berkenaan. Hadkan kekerapan menghadiri pertemuan tersebut pada tahap seminimum mungkin. Jika menjalinkan hubungan dengan mana-mana persatuan perdagangan menjadi tidak diperlukan, keluarlah dari persatuan tersebut.

2. Di mana-mana mesyuarat dengan syarikat pesaing, beritahu yang anda akan mematuhi Akta Persaingan dan elakkan daripada memulakan hubungan yang tidak perlu dengan mereka.

3. Jika anda berniat untuk mengadakan pertemuan dengan syarikat pesaing, maklumkan kepada penyelia anda mengenai tujuan pertemuan tersebut dan dapatkan kebenaran daripadanya terlebih dahulu.

4. Sentiasa simpan rekod bertulis tentang butiran perbincangan dengan syarikat pesaing.

5. Sila rujuk catatan bertulis tersebut kepada Jabatan Undang-Undang (atau, apabila diarah oleh pihak pengurusan dengan firma guaman) secara berterusan untuk disemak.

6 Jika mana-mana syarikat pesaing menghubungi anda dengan cara yang menimbulkan kecurigaan mengenai kemungkinan isu antiamanah, sila maklumkan kepada penyelia dan Jabatan Undang-Undang tanpa ragu-ragu untuk mendapatkan nasihat dari mereka.

Jika anda ada mendengar atau melihat mana-mana pekerja yang terlibat dalam kelakuan yang menimbulkan kecurigaan mengenai kemungkinan isu Antiamanah, hendaklah laporan kepada penyelia anda atau Jabatan Undang-Undang dan/atau individu dalam perniagaan yang bertanggungjawab terhadap Pematuhan Korporat.

#### **Garis Panduan Berkenaan Hubungan dengan Syarikat Bersaing dan Persatuan Perdagangan untuk Jepun/Asia**

**1 September 2005 Rev. 1 November 2011**

Adalah dilarang untuk membentuk kartel atau mengatur sebut harga dengan syarikat pesaing atau persatuan perdagangan.

Tindakan yang mungkin menimbulkan kecurigaan terhadap perkara tersebut adalah dilarang dan tidak boleh diambil.

Berikut adalah kegiatan kartel di antara syarikat pesaing atau oleh persatuan perdagangan pada umumnya adalah tidak sah (haram secara langsung) dan boleh dikenakan denda dan/atau pertuduhan jenayah. (Untuk kes di mana terdapat hubungan perniagaan yang sah, sila rujuk kepada 1. di bawah)

- Perbincangan mengenai harga (harga produk, yuran pembinaan, yuran pengangkutan, yuran penyelenggaraan, yuran lawatan, dsb.).
- Membuat perkiraan mengenai jumlah jualan, penghantaran dan/atau pengeluaran, atau menetapkan nisbahnya untuk dikekalkan di kalangan pesaing.
- Membincangkan isu-isu seperti sekatan pada bilangan hari (atau peratusan) yang kemudahan harus beroperasi, sekatan pada pembesaran atau pembinaan kemudahan, atau sekatan pada penerimaan teknologi baru.
- Perbincangan mengenai pembidaan.
- Pengagihan pelanggan. □
- Membuat pengaturan mengenai bahagian pasaran.

Perkara-perkara berikut juga dilarang, kerana ia adalah tingkah laku yang sangat berisiko yang boleh menimbulkan curiga terhadap tingkah laku kartel. (Rujuk 1. dan 5. di bawah.)

- Menawarkan maklumat tentang harga, jumlah jualan atau pengeluaran dsb. kepada pesaing secara unilateral.
- Tidak mengambil tindakan pembetulan apabila menerima maklumat seperti di atas dari pesaing (secara lisan atau melalui e-mel, faksimili dan sebagainya).
- Komunikasi/pertemuan dengan syarikat pesaing dan penyertaan dalam persatuan perdagangan hanya dibenarkan pada skala yang terhad dan hanya pada tahap yang tidak menimbulkan keimbangan dalam Akta Persaing.

### **(1) Komunikasi dan/atau Pertemuan dengan Syarikat Pesaing**

(1.1) Komunikasi dan/atau pertemuan dengan pesaing hanya boleh dibuat apabila diperlukan untuk melaksanakan hubungan perniagaan yang sah dan spesifik, seperti jenis pembuatan OEM, pemberian lesen, konsainan jualan, usaha sama, atau perkongsian teknologi.

(1.2) Perbincangan dalam pertemuan tersebut haruslah terhad kepada hal-hal yang berkaitan dan diperlukan untuk perniagaan tersebut di atas, dan pertukaran maklumat lain harus dielakkan. Selain itu, wakil jualan tidak dibenarkan menghadiri pertemuan kecuali jika terdapat keperluan yang sah.

### **(1) Penyertaan dalam Persatuan Perdagangan**

(2.1) Penyertaan dalam persatuan perdagangan dibenarkan hanya jika tujuan dan butiran aktivitinya dinyatakan dengan jelas dalam konvensyen persatuan itu, dan persatuan mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan. Keterlibatan dalam organisasi/pertemuan tidak rasmi dengan syarikat pesaing harus dielakkan.

(2.2) Perbincangan di persatuan perdagangan perlu dihadkan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan tujuan aktiviti mereka, dan pertukaran maklumat lain perlu dielakkan. Selain itu, wakil jualan tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat kecuali jika terdapat keperluan yang sah.

(2.3) Perbincangan di persatuan perdagangan perlu dihadkan kepada perkara-perkara berikut yang tidak mengakibatkan tingkah laku kartel dan memberikan manfaat sosial dan awam.

- Menetapkan spesifikasi dan piawaian am berdasarkan keperluan sosial dan awam seperti kebimbangan alam sekitar dan/atau keselamatan.
- Melaksanakan aktiviti perhubungan awam dan penyebaran maklumat untuk tujuan seperti meningkatkan kedudukan industri secara keseluruhan, menggalakkan permintaan dan menyebarkan maklumat tentang penggunaan yang betul..
- Mengumpulkan dan memaparkan maklumat tentang aktiviti perniagaan yang lepas. Namun, perlu diingatkan bahawa mengumpul apa-apa maklumat mengenai rancangan jualan atau pengeluaran masa kini dan masa hadapan, atau berkerjasama dalam aktiviti tersebut harus dielakkan.
- Mengutarkan pendapat atau permintaan kepada kerajaan negeri atau kerajaan pusat.

1. Apabila bertemu dengan syarikat pesaing atau menyertai persatuan perdagangan, individu yang hadir perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penyelia beliau.

3. Satu ringkasan perbincangan/pertemuan perlu direkodkan, bersama dengan pertukaran maklumat penting yang telah dibuat.

4. Penyertaan dalam acara (seperti makan malam, perjumpaan, lawatan berkenalan dan bermain golf) untuk beramah mesra dengan syarikat pesaing adalah amat terhad. Jika seseorang mengambil bahagian di dalam aktiviti sedemikian, dia mesti mematuhi perkara 2. dan 3. di atas.

- (1) Jika anda ingin mengadakan/menyertai mesyuarat dengan syarikat pesaing, anda perlu melaporkan tujuan, agenda, dan peserta yang dirancang kepada penyelia anda terlebih dahulu dan mendapatkan kebenarannya. Penyelia perlu membatalkan perjumpaan jika beliau menganggap perjumpaan itu tidak diperlukan atau menimbulkan kebimbangan anti-amanah selaras dengan kriteria 1 seperti di atas. Hubungan dengan syarikat pesaing sebelum atau selepas pengkajian semula harga harus dielakkan terutamanya. Sekiranya anda menghadapi kesulitan untuk membuat penilaian sendiri, berundinglah dengan Jabatan Undang-Undang.
- (2) Apabila menjadi anda menganjurkan mesyuarat, sediakan agenda sebaiknya terlebih dahulu, dan jangan membincangkan isu lain. Untuk mesyuarat yang diadakan oleh pertubuhan perdagangan, minta tuan rumah atau penganjur mesyuarat menyediakan agenda.
- (3) Rekod-rekod mesyuarat akan menjadi penting apabila kita disyaki terlibat dalam kartel. Pastikan untuk merekodkan tarikh, peserta dan topik mesyuarat dan simpan ia dengan selamat supaya tidak dilupuskan atau dibuang. Jika tiada rekod mesyuarat, akan sangat sukar untuk menafikan tuduhan. Pertukaran maklumat penting harus dilakukan dalam bentuk bertulis seperti faksimili atau e-mel, dan harus disimpan. Setiap kali ada sebarang hubungan, perbincangan atau pertukaran yang mungkin disyaki melanggar Akta Persaingan, hubungi Jabatan Undang-Undang untuk mendapatkan nasihat.
- (4) Mengadakan perhimpunan sosial antara syarikat pesaing selepas mesyuarat dan acara seperti majlis tahunan, pertandingan golf dan lawatan perjumpaan atau menyertai acara-acara tersebut sendiri adalah perilaku yang sangat berisiko yang boleh menimbulkan kecurigaan tentang tingkah laku kartel. Setelah mempertimbangkan secara teliti faktor-faktor seperti keperluan, risiko terlibat dalam kartel, dan waktu peristiwa, hanya acara yang tidak dapat dielakkan sahaja yang harus dihadiri. Dalam hal itu, kakitangan yang berkaitan perlu memastikan untuk mendapat kebenaran penyelia yang berkaitan terlebih dahulu dan menyimpan rekod, walaupun untuk acara-acara sosial.
- (5) Jabatan Undang-undang perlu memeriksa status penyimpanan rekod tersebut dan kandungannya secara berkala.
5. Jika anda terlibat dengan ciri-ciri perilaku yang dicurigai sebagai perilaku kartel, anda perlu memastikan untuk mengumumkan kedudukan anda dengan jelas dan dengan bukti bahawa anda dan AGC tidak akan terlibat dalam kartel.
- (1) Jika maklumat tentang harga, kuantiti atau kadar pengeluaran atau jualan, dan lain-lain disediakan semasa mesyuarat, peserta tersebut harus membuat kenyataan yang jelas bahawa AGC tidak akan mengambil bahagian dalam tingkah laku kartel tersebut dan keluar setelah meminta untuk mencatatkan kenyataan tersebut dalam minit. Selepas itu, orang yang berkaitan perlu memberitahu penyelia dan berunding dengan Jabatan Undang-undang mengenai perkara tersebut.
- (2) Jika maklumat mengenai harga atau bidaan ditawarkan secara unilateral melalui media seperti faksimili, e-mel atau telefon, ia mestilah dilaporkan pada Jabatan Undang-undang, sebagai tambahan pada bantahan melalui dokumen, atau bergantung kepada keadaan, secara lisan, bahawa "AGC tidak akan sekali-kali menyertai aktiviti yang bertentangan dengan Akta Persaingan dan meminta anda berhenti menghantar maklumat tersebut." Selanjutnya, apa yang berlaku dan apa yang dilakukan mestilah direkodkan secara bertulis.

- Kartel boleh ditubuhkan walaupun hanya terdapat persefahaman lisan atau persetujuan tersirat.
- Walaupun anda tidak menghadiri mesyuarat, jika anda kemudian menerima maklumat mengenai perjanjian itu dan ia diikuti, ia akan dianggap sebagai pelanggaran undang-undang, kerana wujud "persetujuan tersirat" yang menyalahi undang-undang.
- Walaupun anda dan AGC tidak terlibat secara aktif dalam kartel, sikap yang tidak jelas juga boleh dianggap sebagai penglibatan dalam kartel..

## 1.2 Kawalan Perdagangan Antarabangsa

### Mengimport dan Mengeksport Barang di Malaysia

Semua barang yang diimport masuk atau dieksport keluar dari negara adalah tertakluk kepada dasar-dasar kawalan Malaysia. Import dan eksport barang adalah dikawal di bawah Akta Kastam (1967). Oleh itu, perlu dipatuhi bahawa sebelum Syarikat memutuskan untuk mengimport atau mengeksport apa-apa barang, anda dikehendaki untuk menyemak sama ada barang tersebut dilarang untuk diimport/dieksport atau tertakluk kepada kebenaran sebelum ia boleh diimport atau dieksport. Malaysia meluluskan Akta Perlindungan 2006 untuk memenuhi obligasi sebagai ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertanggungjawab terhadap perdagangan antarabangsa, industri, pelaburan, produktiviti, perniagaan kecil dan sederhana, pembangunan institusi kewangan, industri halal, automotif, keluli dan perdangangan strategik.

Malaysia juga mempunyai Zon Perdagangan Bebas (FTZ), kawasan yang selamat yang ditetapkan dimana aktiviti perdagangan dan industri djalankan dan dilantik oleh Kementerian Kewangan. Cukai dan duti eksais di bawah Akta Cukai Eksais 1976 (pada 1 Julai 2021) menentukan undang-undang perdagangan di Malaysia dan sepatutnya menjadi titik rujukan utama. Perlu juga disedari bahawa Malaysia juga tertakluk kepada perjanjian di ASEAN, perjanjian satu-hala dan perjanjian dua-hala diperingkat antarabangsa.

Malaysia menggunakan tetingkap digital tunggal yang diswastakan untuk semua peraturan import dan eksport yang dipanggil Dagang Net. Kebiasaannya, import barang ke Malaysia memerlukan tiga kategori prosedur di mana sahaja diperlukan;;;

- Prosedur pendaftaran sekali sahaja. untuk bertindak sebagai Pengimport di Malaysia,
- Lesen import khusus untuk mengimport barang ke Malaysia jika berkenaan,
- Pensijilan khusus daripada agensi kerajaan yang berkenaan dan badan bertauliah bebas untuk ujian dan pensijilan produk apabila diperlukan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia, singkatannya RMC atau JKDM, adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengawal keluar masuk barang di negara ini, mentadbir dasar cukai tidak langsung negara, kawalan sempadan kastam dan jenayah narkotik. Dokumen yang diperlukan perlu diserahkan kepada RMC untuk proses kelulusan import dan eksport. RMC telah menetapkan garis panduan mengenai cara penyediaan dokumen dan borang yang perlu dilengkapkan untuk mematuhi keperluan untuk import dan eksport di Malaysia.

Terdapat tiga fasa proses untuk pengimportan barang ke Malaysia: (1) Permit Import (2) Dokumentasi (3) Pelepasan Kastam; Pertama, pendaftaran sekali untuk memperoleh permit import, kedua, penyerahan dokumentasi untuk pengimportan, dan terakhir, prosedur pelepasan kastam RMC yang diperlukan yang terpakai untuk semua pengimportan.

Akta Duti 1993 memberikan peruntukan untuk penyiasatan dan penetapan subsidi yang diberikan pada, pembuangan barang import yang dilakukan ke Malaysia, penguatkuasaan duti timbal balas dan anti-pembuangan untuk menimbang balik subsidi atau pembuangan tersebut, dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya.

### **Mengeksport dari Malaysia**

Barang dan produk boleh dieksport ke mana-mana negara secara langsung kecuali Israel. Kadar duti pada barang yang dieksport adalah antara 0 hingga 10 peratus, berdasarkan kadar ad valorem. Di bawah Akta Kastam Malaysia 1976, duti yang dibayar pada barang yang dieksport dan berasal dari import layak untuk pengembalian 90 peratus.

Eksport dikawal hanya dalam kes-kes tertentu seperti berikut:

- Barang terkawal atau barang kekurangan bekalan
- Barangan yang sangat sensitif atau berbahaya atau radioaktif.
- Spesies hidupan liar terancam.

Terdapat dua kategori kawalan pada item untuk eksport:

- Barangan atau produk yang dilarang sama sekali dieksport, contohnya telur penyu, rotan, senjata dan bahan berkaitan, petroleum dan produk petroleum.
- Barangan dan produk yang tertakluk kepada kawalan kerajaan, contohnya ternakan dan hasil ternakan, bijirin, mineral dan bahan toksik atau berbahaya

Selain daripada di atas, Peraturan Pentadbiran Eksport AS (EAR) juga beroperasi di bawah perspektif yang sama. Pelanggaran peraturan undang-undang asing tersebut akan merosakkan kredibiliti kita sebagai syarikat global dan menyebabkan kerugian yang besar. Oleh itu, pekerja-pekerja hendaklah mematuhi EAR dan undang-undang serta peraturan yang terpakai secara global.

### **Sekatan PBB.**

Malaysia melaksanakan undang-undang domestik untuk memberi kesan kepada pelbagai sekatan PBB. Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA) telah diluluskan untuk memperkasakan keupayaan negara dalam mengawal eksport dan penghantaran semula barang-barang dan teknologi strategik, termasuk senjata dan bahan-bahan berkaitan (misalnya, barang-barang ketenteraan; bahan nuklear, kemudahan dan peralatan; bahan-bahan istimewa dan peralatan berkaitan; pemprosesan bahan; sensor; laser; navigasi dan peralatan avionik; dan elektronik dan komputer) yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, pembangunan, pengeluaran dan penghantaran senjata pemusnah besar-besaran. Malaysia adalah salah satu negara anggota yang diwajibkan mematuhi cadangan Tugas Tindakan Kewangan (FATF).

Malaysia mempunyai rangka kerja AML (anti pengubahan wang haram) /CFT (membanteras pembiayaan keganasan) perundangan yang kukuh dengan dasar yang dibangunkan dan dilaksanakan dengan baik. Malaysia adalah pemerhati kepada FATF dan sedang bekerjasama dengan FATF untuk memenuhi kriteria keahlian.

Selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA), Menteri Dalam Negeri boleh mengeluarkan perintah di bawah AMLA yang menyatakan bahawa individu dan entiti yang telah terbukti dengan sengaja melakukan, cuba melakukan, menyertai melakukan atau memudahkan tindakan pengganas atau dengan sengaja bertindak bagi pihak, di bawah arahan, atau berkaitan dengan individu atau entiti tersebut, sebagai entiti tertentu.

### **Peraturan mengenai Perdagangan Barang dan Teknologi**

Apabila mengimport dan mengeksport barang dan teknologi, anda perlu mengikut Polisi dan Peraturan Kawalan Perdagangan Global Kumpulan AGC. Mana-mana syarikat yang mengeksport barang dan teknologi dalam operasi perniagaannya dikehendaki untuk menetapkan peraturan dan prosedur pembuatan keputusan dalaman yang berkaitan dengan kawalan perdagangan, bergantung pada situasi sebenar syarikat, dan harus mematuhi peraturan dan prosedur tersebut.

### **Undang-Undang Utama Berkaitan**

- Akta Kastam (1967)
- Akta Zon Bebas 190
- Akta Eksais 1976 Mulai 1 Julai 2021
- Akta Duti 1993
- Akta Pelindung 2006
- Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Peraturan-peraturan Am & Perintah [Mulai 15 Oktober 2020]
- Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Penggani) 1990 (Akta 448)& Peraturan-peraturan [Mulai 15 April 2019]

### **1.3 Hadiah dan Hiburan**

#### **Gambaran Keseluruhan Perundangan**

Malaysia mempunyai undang-undang anti-rasuah yang ketat yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"). SPRM telah diberi mandat untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa di sektor swasta dan awam.

Semua pekerja AGC di seluruh dunia dinasihatkan untuk bertindak dengan berhati-hati dan pada asasnya mengelak daripada meminta, menawarkan atau menerima sebarang hadiah, hiburan atau layanan daripada pelanggan, vendor, pembekal dan pihak ketiga yang lain secara langsung atau tidak langsung, untuk mengelakkan persepsi atau kemunculan potensi konflik kepentingan. Anda dilarang untuk meminta sebarang hadiah, hiburan atau layanan daripada pihak ketiga tersebut. Di dalam situasi di mana anda perlu menyampaikan atau menawarkan apa-apa hadiah kepada vendor pelanggan, pembekal dan pihak ketiga yang lain, anda dikehendaki merujuk kepada Garis Panduan Antirasuah AGC (Versi ASEAN & India) sebagai garis panduan.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut di: □

- Bursa Malaysia Anti-Rasuah Mei 2020 Pertanyaan Hadiah laman web SPRM

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut di:

- Polisi Bursa Malaysia Anti-Rasuah Awam - [Mei 2020]
- Pertanyaan Hadiah di laman sesawang SPRM

Turut diakurkan juga bahawa terdapat keadaan tertentu di mana pekerja dilarang sama sekali meminta, menawarkan atau menerima sebarang hadiah, hiburan atau layanan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengelakkan persepsi atau kemunculan potensi konflik kepentingan.

Contohnya termasuk;

- Berkenaan dengan orang dari pihak-pihak kawalan tertentu, apabila terdapat tindakan kawal selia yang belum selesai terhadap individu atau organisasi tersebut (cth., pemprosesan permohonan untuk penepian di bawah peraturan atau penyiasatan pelanggaran);
- Proses perolehan (cth., tender atau bidaan kompetitif);
- Penempatan dana;
- Rundingan berhubung dengan mana-mana kontrak termasuk pelaksanaan mana-mana hak atau kelayakan, sebarang perubahan, penamatan atau lanjutan kontrak yang sama serta pembikinan dokumentasi yang berkaitan;
- Proses untuk menentukan sebarang kriteria untuk pengiktirafan pencapaian oleh orang yang dikawal selia; dan
- Proses pengambilan pekerja

Pekerja disarankan untuk mengambil pendekatan yang lebih berhemat apabila berdepan dengan keadaan di atas untuk mengelakkan sebarang situasi yang boleh dianggap sebagai konflik kepentingan.

### **Undang-undang Utama Berkaitan**

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”)
- Perenggan 15.29 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad
- Dasar Pencegahan Rasuah Bursa Malaysia Mei 2020
- Pekeliling Perkhidmatan Awam bilangan 3 Tahun 199
- Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575)
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613)
- Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696)
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)

## 1.4 Konflik Kepentingan

### Gambaran Keseluruhan Perundangan

Di bawah undang-undang Malaysia, pengarah mempunyai tanggungjawab untuk mengelak daripada mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam membuat keputusan untuk syarikat, dan tanggungjawab untuk mengelakkan keadaan di mana terdapat kemungkinan konflik antara kepentingan syarikat dan kepentingan langsung atau tidak langsung pengarah, atau antara tugas pengarah kepada syarikat dan tugasnya kepada orang lain. Tindakan konflik kepentingan termasuk melakukan urus niaga antara syarikat dan diri sendiri atau saudaranya. Jika tidak pasti, perbincangkan perkara tersebut dengan Pengerusi Lembaga, dan jika perlu, cari nasihat undang-undang profesional. Setelah menyedari potensi konflik kepentingan, anda perlu mengisyiharkan sifat konflik yang ditentukan dalam mesyuarat Lembaga secepat mungkin setelah sedar akan keadaan tersebut.

Pekerja-pekerja adalah dilarang dengan tegas daripada terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti perniagaan yang bersaing atau bercanggah secara langsung atau tidak langsung dengan kepentingan Syarikat. Ini termasuk larangan daripada mempunyai kepentingan kewangan secara peribadi daripada pelanggan atau pembekal atau pembekal yang mempunyai urus niaga dengan Syarikat.

Konflik kepentingan dianggap sebagai salah laku, oleh itu ujian bukanlah sama ada pengarah atau pekerja melakukannya, tetapi sebaliknya sama ada syarikat bertindak secara munasabah dalam mempercayai bahawa pengarah atau pekerja itu melakukannya; dan sama ada syarikat bertindak secara munasabah dalam memecatnya.

Semua pekerja bertanggungjawab untuk merujuk Peraturan Anti-Rasuah AGC dan Garis Panduan Anti-Rasuah (versi ASEAN & India) untuk mengenal pasti dan menguruskan konflik kepentingan secara berterusan. Selain itu, Akta Syarikat 2016 mengandungi prinsip-prinsip undang-undang biasa tentang tugas untuk mengelakkan pelanggaran, yang memerlukan pengarah untuk menggunakan kuasa mereka untuk tujuan yang diberikan, dan tidak untuk memajukan sebarang kepentingan peribadi oleh sebab kedudukan mereka sebagai pengarah.

### Perkara Penting

- Jika terdapat contoh perbuatan yang dilarang dalam Peraturan Kerja, anda harus menyemak mereka dengan teliti.
- Menggunakan nama atau status syarikat untuk kepentingan peribadi berkemungkinan akan menjadi konflik kepentingan
- Melibatkan diri dalam jenis perniagaan yang sama seperti perniagaan syarikat berkemungkinan akan mengalami konflik kepentingan.

### Undang-undang Utama Berkenaan

- Akta Syarikat 2016
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”)
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (Akta A1567)
- Dasar Pencegahan Rasuah Bursa Malaysia Mei 2020

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575)
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613)
- Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696)
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)

## **2.1 Kesihatan dan Keselamatan Di Tempat Kerja**

Di Malaysia, perundangan utama yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan ialah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA). Selain dari OSHA, undang-undang lain seperti Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO) memperuntukkan pampasan pekerja sekiranya berlaku kecederaan pekerjaan. Dua akta keselamatan & kesihatan pekerjaan di Malaysia ialah Akta Kilang & Jentera (FMA) 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994. Terdapat juga undang-undang lain yang terikat dengan OSHA, seperti Akta Pekerjaan 1955, dan Ordinan Buruh, Akta 2005.

Syarikat hendaklah mematuhi semua undang-undang berkaitan kesihatan dan keselamatan serta peraturan dalaman, serta memberi perhatian kepada pemeliharaan alam sekitar. Syarikat hendaklah meletakkan kepentingan tertinggi pada kesihatan dan keselamatan pekerjaan, penyelenggaraan mesin, peralatan dan kemudahan dalam keadaan bersih dan selamat, serta menggunakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Semua pekerja dikehendaki merujuk pada dasar kesihatan dan keselamatan global AGC untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan sihat. Semua pekerja, pekerja kontrak serta vendor adalah bertanggungjawab untuk tidak membenarkan atau menyebabkan sebarang pembakaran terbuka di dalam dan sekitar kawasan Syarikat dan memastikan pematuhan kepada peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

### **Undang-undang Utama Berkenaan**

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Akta 514 (OSHA)
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO)
- Akta Kilang & Jentera (FMA) 1967
- Akta Pekerjaan 1955,
- Akta Kualiti Alam Sekitar 1974

### **Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC**

- Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC
- Polisi Asas Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kumpulan AGC

- Polisi Asas Keselamatan dan Keselamatan Industri Kumpulan AGC
- Dasar Pengurusan Kesihatan AGC
- Peraturan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kumpulan AGC
- Peraturan Kerja setiap syarikat
- Manual Pengurusan Krisis
- Peraturan Kumpulan AGC untuk Mengatasi Bencana Alam
- Peraturan Kumpulan AGC untuk Mengatasi Pandemik Influenza

## **2.2 Kepelbagaian dan keterangkuman**

Malaysia adalah sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian kaum, bahasa, agama dan budaya, dan mempunyai tenaga kerja yang berbilang bangsa. Syarikat menghargai persekitaran kerja yang merangkumi kepelbagaian di mana semua perbezaan dihargai, diraikan dan dihormat, Syarikat komited sepenuhnya untuk menyediakan peluang pekerjaan yang sama dan adil kepada calon-calon yang berkelayakan tanpa mengira kewarganegaraan, bangsa, agama, jantina, orientasi seksual dan penampilan dalam semua aspek pekerjaan termasuk pengambilan pekerja, pampasan dan faedah syarat-syarat kerja latihan, ganjaran pengiktirafan, pembangunan kerjaya dan pesaraan, Sebagai sebuah organisasi, setiap individu harus berusaha untuk mencipta persekitaran kerja yang produktif dan selesa di mana semua orang diperlakukan secara adil dan saksama.

### **Penghapusan Diskriminasi**

Syarikat dengan teguhnya percaya bahawa sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan terhadap seseorang berdasarkan bangsa, warna kulit, umur, jantina, orientasi gender, etnik, kewarganegaraan, keadaan perubatan, kecacatan, kehamilan, agama, keyakinan, status sosial, afiliasi politik, status perkahwinan adalah benar-benar keji (tidak dapat diterima) dan tidak seiring dengan kepercayaan kami untuk menyediakan persekitaran kerja yang berwibawa, profesional dan beradab. Syarikat melarang sebarang bentuk penganiayaan atau ugutan , hukuman fizikal, paksaan mental atau fizikal, penghinaan lisan sama ada dilakukan oleh ataupun terhadap orang bawahan, rakan sekerja terus, pelanggan atau pembekal.

Di Malaysia, terdapat Akta Orang Kurang Upaya 2008, yang menyediakan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya serta penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya.

### **Anti Gangguan Seksual**

Syarikat akan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada pekerja di samping saling hormat-menghormati dan mempercayai. Pekerja, sama ada lelaki atau perempuan, mesti saling menghormati dan bertindak secara sesuai dan profesional pada setiap masa dalam apa juu situasi. Gangguan Seksual merujuk kepada perbuatan seksual yang tidak dikehendaki dan tidak diinginkan, yang menyinggung perasaan, menghina atau memperlihatkan ancaman kepada penerima. Ia juga boleh berlaku apabila perbuatan seksual dipaksakan ke atas seseorang tanpa persetujuan atau balasan dari penerima. Gangguan Seksual boleh berlaku

dalam satu insiden atau insiden berterusan. Syarikat hendaklah meletakkan notis-notis di semua kawasan awam untuk memberi maklumat kepada pekerja mengenai definisi Gangguan Seksual dan garis panduan untuk pencegahan. Ini termasuk maklumat mengenai cara melaporkan insiden Gangguan Seksual kepada pengurusan.

- Jenis-jenis gangguan seksual termasuk gangguan lisan, gangguan bukan lisan/isyarat, gangguan visual, gangguan psikologi dan gangguan fizikal.
- Mana-mana bentuk gangguan seksual akan dianggap sebagai tindakan salah laku yang serius dan Syarikat akan menjalankan penyiasatan terperinci dan mengambil tindakan disiplin yang sesuai bila perlu.
- Syarikat akan memperlakukan mangsa dan individu yang didakwa dengan adil dan sama rata sehingga tuduhan gangguan seksual dibuktikan dan tindakan yang sesuai diambil.

### **Pencegahan Kerja Paksa**

- Syarikat tidak boleh dalam apa jua keadaan sama ada secara langsung atau tidak langsung dikaitkan dengan pemerdagangan manusia atau menggunakan apa-apa bentuk penghambaan, buruh paksa, perikatan, indentur, atau buruh penjara.
- Syarikat amat percaya bahawa pekerjaan adalah secara sukarela dan pekerja bebas untuk menamatkan pekerjaan mereka pada bila-bila masa dengan peruntukan notis yang munasabah dan sesuai.
- Syarikat menghormati kebebasan pergerakan pekerja dan dalam apa jua keadaan tidak boleh menghadkan atau menyekat kebebasan bergerak mana-mana pekerja di dalam premis Syarikat atau kemudahan yang disediakan oleh Syarikat, termasuk asrama pekerja. Pergerakan pekerja hanya diuruskan di dalam dan sekitar kawasan pengeluaran dan kawasan terkawal lain yang diperlukan untuk keselamatan pekerja dan dibenarkan oleh Undang-undang dan Peraturan Terpakai.

### **Perkara-perkara Penting**

- Jangan terlibat dalam percakapan atau tingkah laku seksual yang menyebabkan orang lain berasa tidak selesa.
- Jangan terlibat dalam percakapan atau tingkah laku yang membezakan antara lelaki dan perempuan melalui idea tradisional peranan gender atau prasangka.
- Jangan terlibat dalam keganasan atau melemparkan objek ke atas orang lain.
- Jangan terlibat dalam percakapan atau tingkah laku yang tidak menghormati maruah orang lain.
- Jangan mengkritik orang lain secara keras dan berpanjangan, atau memberikan kritikan yang keras dan nyaring di hadapan orang lain.

### **Nota: Berhati-hatilah terhadap perkara berikut di tempat kerja!**

- Apabila anda berkomunikasi dengan rakan sekerja anda, berhati-hatilah terhadap bagaimana perasaan mereka dengan kata-kata dan tindakan anda.
- Jika anda merasa tidak selesa disebabkan oleh kata-kata atau tindakan orang lain, sampaikan perasaan anda kepada orang tersebut.

- Dalam kes di mana anda tidak dapat menceritakan perasaan anda kepada orang tersebut, segera berunding dengan penyelia anda atau hubungi jabatan sumber manusia atau bahagian lain yang bertanggungjawab dalam syarikat untuk mendapatkan nasihat dan kaunseling secepat mungkin (berunding di peringkat awal adalah kunci untuk mencegah masalah serius).
- Jika anda menyaksikan sebarang kata-kata atau tindakan yang tidak wajar oleh seseorang, hampiri dengan tenang dan meminta orang tersebut untuk mendiamkan diri daripada situasi (kerana orang tersebut mungkin tidak menyedari bahawa kata-kata atau tindakannya tidak wajar atau menyakiti orang lain).

### **Undang-undang Utama Berkenaan**

- Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan
- Seksyen 37(e) Akta Komunikasi dan Multimedia (1998)
- Seksyen 377A Kanun Keseksaan Malaysia
- Undang-undang Syariah Persekutuan dan Negeri
- Kanun Keseksaan, Seksyen 375A
- Akta Orang Kurang Upaya 2008,
- Akta Pekerjaan 1955 dan Akta Pekerjaan (Pindaan) 2022
- Seksyen 69(d) Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (1976).
- Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (1976).
- Seksyen 27 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (1957) atau
- Seksyen 6(2)(o) Akta Pendaftaran Negara 1959

### **2.3 Rekod dan Laporan**

Berkaitan dengan perakaunan korporat, pekerja hendaklah mengekalkan rekod yang tepat mengenai transaksi syarikat dalam bentuk buku akaun dan rekod perakaunan mengikut prinsip perakaunan dan amalan yang dianggap adil dan munasabah. Syarikat juga perlu mematuhi Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, dan Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953, prinsip perakaunan perniagaan, dan undang-undang serta peraturan lain yang berkaitan dengan perakaunan. Dalam menjalankan aktiviti perniagaan kami, pekerja hendaklah sentiasa peka dan mematuhi undang-undang cukai domestik dan luar negara. Selain itu, pekerja tidak boleh memalsukan rekod atau dokumen yang akan merosakkan kepercayaan pemegang saham. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk mematuhi dasar, prinsip, dan garis panduan global AGC dalam penyimpanan dan pelaporan rekod (contohnya Garis Panduan untuk "Larangan Transaksi Penipuan (Asia)") atau pindaan yang mungkin dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh syarikat.

Semua data, maklumat, rekod, dan laporan Syarikat mesti lengkap, tepat, dan integriti serta keasliannya mesti disahkan pada setiap masa. Syarikat dengan tegasnya percaya bahawa maklumat dan/atau data palsu dan/atau tidak tepat, berpotensi mengelirukan proses membuat keputusan oleh pihak berkuasa yang membenarkan dan merosakkan kepercayaan mana-mana transaksi, sama ada yang melibatkan wang atau tidak.

Akta Syarikat 2016, Bahagian 245, memerlukan syarikat untuk menyimpan akaun dan rekod yang betul, dan pelanggaran terhadap ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Akta Syarikat juga memerlukan bahawa akaun dan rekod lain perlu disimpan dengan cukupnya untuk menjelaskan transaksi dan laporan kewangan. Semua akaun dan rekod lain yang berkaitan dengan perniagaan syarikat di Malaysia harus disimpan di pejabat kami di Malaysia, untuk tujuan pemeriksaan atau audit oleh agensi kerajaan seperti LHDN (Jabatan Cukai), Jabatan Tenaga Kerja, Badan Berkanun, Kastam dan agensi lain yang berkaitan.

### **Permohonan dan Tuntutan Perbelanjaan**

Syarikat mengharapkan semua pekerja untuk menjalankan tugas, tanggungjawab dan akaun mereka dengan integriti dan kejelasan yang tinggi semasa melaksanakan tugas dengan syarikat. Semua tuntutan dan elauan akan diberikan berdasarkan skop tugas dan kelayakan pekerja dan pihak pengurusan berhak untuk mengubah atau menarik semula tanpa memberikan sebarang sebab.

Syarikat memerlukan semua tuntutan bagi perbelanjaan rasmi atau faedah pekerja dikemukakan dengan dokumen sokongan yang relevan iaitu resit rasmi, bil dan invois kepada jabatan Sumber Manusia untuk pengesahan dan kelulusan.

### **Rekod Transaksi**

Semasa membuat rekod transaksi dan ledger, anda perlu memastikan pematuhan dengan Polisi Perakaunan Kumpulan AGC dan Garis Panduan untuk "Larangan Transaksi Penipuan," serta undang-undang berkaitan. Akta Syarikat 2016, Seksyen 245 turut memerlukan perakaunan dalam cara yang membolehkan akaun disemak dengan mudah dan sewajarnya. Perakaunan dan rekod lain harus mengandungi penyata dan pengembalian dalam urus niaga yang dilakukan agar membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan adil dan disertakan bersama penyata kewangan.

Rekod harus disimpan sekurang-kurangnya 6 tahun dari tarikh penyelesaian transaksi atau penamatkan hubungan perniagaan atau transaksi berkala. Rekod harus disimpan dalam bentuk yang boleh diterima sebagai bukti di mahkamah jika diperlukan selaras dengan Akta Keterangan 1950. Walaupun syarikat dikehendaki untuk menyimpan rekod pekerja selama tujuh tahun selepas pekerja meninggalkan Syarikat.

Pekerja diingatkan dengan tegas supaya tidak membuat atau membenarkan sebarang penyediaan atau pengemaskinian yang tidak tepat atau tidak lengkap kepada butiran berikut tetapi tidak terhad pada:

- Maklumat Peribadi;
- Maklumat Kewangan;
- Dokumen Perolehan;

- Tuntutan dan Bayaran balik;
- Elaun; dan / atau
- Dokumen Pekerjaan

### **Undang-undang Utama berkenaan**

- Akta Syarikat 2016 Seksyen 245
- Peraturan Perlindungan Pengguna (Transaksi Perdagangan Elektronik) 2012 (“Peraturan CP 2012”) – peraturan yang dikeluarkan menurut CPA 1999,
- Akta Jualan Barang 1957
- Akta SST. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan 2018
- PDPA 2010

Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC

- Garis Panduan untuk “Larangan Transaksi Penipuan (Asia)

### **2.4 Perlindungan aset dan maklumat sulit.**

#### **Perlindungan Aset**

##### **Perlindungan Aset**

Semua pekerja bertanggungjawab untuk melindungi aset fizikal dan bukan fizikal Syarikat yang berada di bawah kawalan anda:

- (a) Aset Fizikal: Termasuk stok, bangunan, perabot, jentera, peralatan, produk, kerja dalam proses, bahan mentah, peralatan pejabat OA, deposit tunai, sekuriti dan kenderaan;
- (b) Aset Bukan Fizikal: Harta Intelek, Paten, Manual dan Prosedur Operasi Standard ("SOP"), sebarang cap dagang atau konsep reka bentuk, maklumat perakaunan dan maklumat elektronik

Aset Syarikat hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan dan operasi Syarikat. Sebarang penyalahgunaan aset Syarikat akan dianggap sebagai satu pelanggaran dan merupakan satu tindakan kesalahan besar terhadap Syarikat. Pekerja dilarang sama sekali menggunakan data dan/atau maklumat Syarikat secara langsung atau tidak langsung untuk keuntungan peribadi dan hendaklah mematuhi dengan tegas Akta Syarikat 2016 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA 2010") pada setiap masa.

#### **Maklumat Sulit**

Semua pekerja bertanggungjawab untuk tidak mendedahkan maklumat eksklusif atau sulit mengenai Syarikat, pelanggan, vendor atau pekerjanya kepada sesiapa yang tidak dibenarkan menerimanya. Anda mesti menguruskan maklumat dengan teliti berdasarkan kategori kerahsiaan yang ditetapkan oleh Polisi Keselamatan Maklumat

untuk mengelak kebocoran, penggunaan yang tidak sesuai atau pendedahan maklumat sulit. Bagi maklumat sulit dilindungi secara undang-undang, pengurusan kategori "Sulit" atau yang lebih tinggi di bawah Polisi yang berkaitan diperlukan (seperti melabel dengan kategori sulit, mengunci tempat simpanan, kawalan akses, dan lain-lain)

Contoh maklumat sulit termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai manual operasi Syarikat, lukisan teknikal dan spesifikasi, maklumat kewangan, polisi sumber manusia, rancangan perniagaan, pelanggan atau hubungan pelanggan, produk hak cipta atau rekod pekerja. Anda perlu mengambil langkah-langkah berjaga-jaga yang mencukupi untuk mencegah apa-apa pendedahan yang tidak dibenarkan mengenai maklumat sulit dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan bahawa dokumen berkaitan perniagaan dihasilkan, disalin, faks, disimpan, dan dibuang dengan sewajarnya.

### **Media Sosial**

Telefon, e-mel, sistem komputer dan media sosial Syarikat adalah diutamakan untuk komunikasi dan operasi perniagaan. Anda dibenarkan menggunakan media sosial seperti Facebook dan Telegram, WhatsApp, Instagram dan laman rangkaian sosial lain dalam kapasiti peribadi anda, tetapi dijangka menggunakan media sosial dengan sewajarnya dengan mengambil kira kemungkinan kesan terhadap Kumpulan AGC, pelanggan dan rakan perniagaan kami, serta pihak yang berkaitan lain..

Ini adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen daripada setiap individu dalam Kumpulan AGC untuk bertindak dengan bertanggungjawab dan etika apabila menggunakan media sosial. Pekerja dinasihatkan untuk tidak menyebarkan berita palsu, maklumat dan komen di media sosial yang boleh dilihat sebagai memfitnah. Pekerja dinasihatkan untuk berhati-hati dan berwaspada apabila mengendalikan maklumat yang diperolehi dari Internet, surat khabar, majalah, rujukan, atau sumber lain untuk mengelakkan masalah pelanggaran hak cipta seperti plagiarisme dan pemalsuan.

Tindakan seperti berkongsi, menyukai, menyiarkan semula dan memberi komen boleh dianggap sebagai penerbitan semula kandungan yang memfitnah dan boleh menyumbang kepada pelanggaran privasi atau kesalahan di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan. Manakala, di bawah Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang menetapkan bahawa, "Tiada pembekal perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh menyediakan kandungan yang tidak sopan, lucu, palsu, mengancam, atau bersifat mengganggu atau mengaibkan dengan niat untuk mengganggu, menyalahgunakan, mengugut atau mengacaukan mana-mana orang

Di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, mana-mana individu, melalui perkhidmatan rangkaian, membuat, mencipta, meminta atau menghantar komen, cadangan yang lucu, tidak sopan, palsu, mengancam, menyinggung dengan tujuan mengganggu, menyalahgunakan, mengugut atau mengganggu mana-mana orang, melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara selama satu tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya.

### **"Maklumat Peribadi"**

"Data Peribadi" yang disediakan oleh pekerja atau telah diberikan kepada Syarikat termasuk nama pekerja, butiran perhubungan, alamat, alamat e-mel, nombor kad pengenalan atau pasport, maklumat akaun bank, kewarganegaraan, bangsa, jantina, status perkahwinan, butiran pasangan/ ahli keluarga, maklumat pekerjaan atau profesi terdahulu termasuk nama dan alamat syarikat, jawatan atau posisi, julat pendapatan dan sebarang maklumat lain pekerja, boleh dikumpulkan, disimpan,

digunakan dan diproses oleh Syarikat dari semasa ke semasa. Di Malaysia, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) telah diluluskan pada tahun 2013 dengan objektif melindungi data peribadi individu dalam transaksi komersial.

Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang diberikan oleh pekerja kepada Syarikat secara langsung, Syarikat juga boleh mengumpul Data Peribadi pekerja dari pelbagai sumber lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang diperoleh daripada pihak ketiga melalui sumber yang sah seperti Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa lain yang berkaitan. Data Peribadi yang disediakan kepada atau diperolehi oleh Syarikat akan dijaga kerahsiaannya oleh Syarikat.

Pekerja yang diberi kuasa untuk mengakses maklumat peribadi dalam melaksanakan tugas, hendaklah merahsiakan maklumat peribadi, dan tidak boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak di luar Syarikat melainkan pegawai atau pekerja yang maklumat peribadinya telah memberikan persetujuan mereka atau permintaan itu wajar, dalam mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA 2010).

Data Peribadi yang disediakan, dikumpul dan disimpan oleh Syarikat boleh, dengan persetujuan pekerja, digunakan untuk tujuan berikut:

- (a) untuk menyediakan apa-apa dokumen yang mungkin diperlukan berhubung dengan kerja di dalam Syarikat yang mana pekerja itu adalah pihak;
- (b) untuk tujuan pentadbiran dalaman Syarikat;
- (c) untuk memberikan maklumat yang perlu kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh keperluan berkanun, pengawalseliaan atau kerajaan; dan/atau
- (d) sebarang tujuan lain yang dimaklumkan secara nyata kepada pekerja.
- (e) Syarikat mungkin perlu melibatkan syarikat pihak ketiga, penyedia perkhidmatan atau individu untuk melaksanakan perkhidmatan tertentu bagi atau bagi pihak Syarikat. Di dalam keadaan sedemikian, pekerja hendaklah bersetuju dan membenarkan bahwasanya Syarikat boleh mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi pekerja kepada pihak ketiga, di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - organisasi berkaitan Syarikat;
  - bank dan institusi kewangan;
  - pembekal insurans;
  - penasihat luar dan penasihat profesional lain, seperti juruaudit, peguam dsb.

### **Perkara Penting**

- Apabila mengumpul maklumat peribadi, nyatakan dengan terperinci dan secara khusus tujuan penggunaannya.
- Anda harus menggunakan maklumat peribadi dalam lingkungan tujuan yang telah ditetapkan, dan jika anda ingin menggunakan untuk tujuan lain, anda harus memperoleh persetujuan sekali lagi.
- Jika seseorang meminta mendedahan, pembetulan, atau penghentian penggunaan dan lain-lain, maklumat peribadi mereka, anda harus menangani permintaan tersebut dengan segera. □

- Anda harus memusnahkan maklumat peribadi yang tidak diperlukan dengan segera melalui kaedah yang selamat.
- Jika terdapat kehilangan, kebocoran atau penggunaan yang tidak sesuai dengan maklumat peribadi, anda harus mengikuti prosedur yang disediakan dalam PDPA termasuk melaporkannya dengan segera kepada Pengurus Perlindungan Maklumat Peribadi.

### **Hak harta Intelek**

Hak harta intelek bermaksud hak ke atas aset tidak ketara yang dicipta melalui aktiviti kreatif intelektual, termasuk hak paten, hak model utiliti, hak reka bentuk, hak tanda dagangan dan hak cipta. Pekerja mesti menghormati hak harta intelek orang lain serta melindungi hak syarikat. Malaysia mempunyai Akta Harta Intelek 2002 yang mengawal penguatkuasaan, pendaftaran, perlindungan dan keselamatan hak undang-undang ke atas harta tidak ketara seperti ciptaan dan reka bentuk. Ciptaan dan reka bentuk termasuk tanda dagangan, hak cipta, petunjuk geografi dan paten.

Syarikat dan pekerja hendaklah mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan dalam Peraturan Utama dan Dokumen-dokumen yang Dilaksanakan Secara Dalaman oleh Kumpulan AGC untuk merakam dan menguruskan hak milik intelek dan jenama syarikat dengan sewajarnya serta menjaga agar tidak disalahgunakan oleh perusahaan atau individu lain. Selain itu, pekerja tidak boleh menggunakan hak milik intelek dan jenama syarikat untuk keuntungan peribadi, sama ada semasa dalam pekerjaan atau selepas meninggalkan Syarikat. Semua reka bentuk dan penemuan baharu yang dibangunkan semasa pekerjaan di Syarikat dianggap sebagai hak milik intelek Kumpulan AGC.

Syarikat dan pekerja tidak boleh memperolehi atau cuba memperolehi hak milik intelek dan jenama syarikat lain melalui cara yang tidak sewajarnya. Walaupun harta ini diperolehi dengan cara yang sewajarnya, anda tidak boleh menggunakan tanpa kebenaran. Anda harus berhati-hati untuk mengelakkan daripada melanggar hak milik intelek dan jenama syarikat lain dan menahan diri daripada mencuri idea daripada perusahaan lain atau menyalahgunakan rahsia perdagangan milik syarikat lain.

Sistem harta intelek di Malaysia dikendalikan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perlindungan hak milik intelek di Malaysia merangkumi paten, cap dagang, reka bentuk industri, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk litar bersepada.

### **Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 mengawal perlindungan paten di Malaysia.**

Sama seperti undang-undang di negara lain, sesuatu ciptaan boleh diterima paten jika ia baru, melibatkan langkah penemuan yang cekap, dan boleh diaplikasikan secara industri. Mengikut TRIPS, Akta Paten menetapkan tempoh perlindungan selama 20 tahun dari tarikh permohonan dibuat. Selain itu, perlindungan reka bentuk industri di Malaysia dikawal oleh Akta Reka Bentuk Industri 1996 dan Peraturan Reka Bentuk Industri 1999. Akta ini memberi hak bagi reka bentuk industri yang telah didaftarkan sebagaimana hak milik peribadi yang boleh diwarisi atau dipindahkan melalui operasi undang-undang. Malaysia melindungi petunjuk geografi (PG) melalui Akta Petunjuk Geografi 2000. Pendaftaran PG tidak wajib, dan perlindungan masih tersedia kepada PG walaupun PG tersebut tidak didaftarkan. Walau bagaimanapun, sijil pendaftaran adalah bukti asas fakta yang dinyatakan dalam sijil dan keberkesanan pendaftaran. Satu PG yang didaftarkan diberikan perlindungan selama sepuluh tahun dari tarikh permohonan dan boleh diperbaharui setiap sepuluh tahun.

Satu lagi akta yang berkaitan ialah Akta Hak Cipta 1987 menyediakan perlindungan menyeluruh untuk karya hak cipta. Akta tersebut menggariskan sifat karya yang layak untuk hak cipta (yang termasuk program komputer), skop perlindungan, dan cara perlindungan itu diberikan. Hak cipta wujud dalam setiap karya yang layak untuk perlindungan hak cipta yang mana pengarangnya adalah orang yang layak.

Pekara Penting:

- Apabila anda membuat penemuan melalui aktiviti R&D atau pembangunan teknikal dan ingin mengemukakan permohonan paten, sila ikuti prosedur yang ditetapkan termasuk mengemukakan permohonan dengan jabatan yang bertanggungjawab dalam hak milik intelek.
- Pengubahsuaian atau penggunaan tidak dibenarkan bagi nama syarikat, jenama "AGC" atau logo markanya.
- Sebelum memasarkan produk baru, pastikan untuk memeriksa dengan lengkap mengenai hak milik intelek pihak ketiga agar produk baru tersebut tidak melanggar hak milik intelek yang sah milik pihak ketiga.:

#### **Undang-undang Utama Berkenaan**

- Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986
- Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997
- Akta Jenayah Komputer 1997
- Akta Tandatangan Digital 1997
- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999
- Akta Harta Intelek 2002
- Kanun Keseksaan (Akta 574) [Pada 5 November 2020]
- Undang-undang Siber Malaysia [Akta Tandatangan Digital, Akta Jenayah Komputer & Akta Teleperubatan] (Setakat 10 April 2018)
- Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815) & Peraturan (Pada 1 Jun 2020)
- Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Peraturan & Perintah [Pada 1 Jun 2019]
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Peraturan-Peraturan, Peraturan dan Perintah & Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589) [Pada 15 Januari 2020]
- Akta Perdagangan Elektronik 2006 (Akta 658) [Pada 5hb Januari 2020]
- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (2013)
- Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999 (2013)
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [PDPA] (Akta 709), Peraturan dan Perintah [Setakat 1hb April 2019]

#### **Peraturan dan Dokumen Utama Dalaman Kumpulan AGC**

- Peraturan Kerja setiap syarikat
- Polisi dan Garis Panduan Keselamatan Maklumat setiap syarikat
- Peraturan Pengurusan Perlindungan Maklumat Peribadi setiap syarikat
- Peraturan Pengurusan Jenama Kumpulan AGC

- Garis Panduan Logo Jenama Kumpulan AGC

### 3.1 Kualiti dan Keselamatan

Berkaitan dengan kualiti produk, jika terdapat sebarang masalah atau masalah yang disyaki, pekerja hendaklah membuat kajian menyeluruh untuk mengesahkan fakta dan punca tanpa sebarang kelewatan dan dengan demikian, memudahkan tindak balas dan peningkatan yang cepat. Sebagai satu pasukan, pekerja mesti berusaha untuk meningkatkan kebolehan, kemahiran, dan kecekapan kerja secara berterusan untuk memastikan kualiti produk..

#### Perlindungan Pengguna

Pekerja hendaklah sentiasa melayani pelanggan syarikat yang sebenarnya adalah pengguna produk dan perkhidmatan Syarikat, dengan niat baik, dan akan terus berusaha untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan dengan tepat seperti yang diminta oleh pelanggan mengikut perjanjian. Pekerja hendaklah menyedari bahawa objektif perlindungan pengguna adalah untuk terus meningkatkan tahap respons kita terhadap keperluan pengguna dan keyakinan pengguna terhadap kualiti produk dan perkhidmatan. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (“CPA”), memperuntukkan perlindungan pengguna dan melarang kelakuan mengelirukan dan memperdaya, pembentangan palsu dan amalan tidak adil, yang boleh menyebabkan pengguna membuat kesilapan. Menurut CPA, jika jaminan tersirat yang merangkumi kualiti, alat ganti, jaminan nyata, pemberian dan alat ganti tidak dipenuhi maka pengguna atau pelanggan berhak untuk membuat ganti rugi terhadap pengilang.

Bahagian X, akta pengguna (CPA) telah memasukkan klausa liabiliti produk yang memberikan perlindungan kepada pembeli dan membenarkan penjual atau pengilang disaman kerana produk yang rosak untuk menunjukkan sekali lagi tentang pemikiran perlindungan pengguna. CPA telah digubal untuk memberikan perlindungan yang lebih besar kepada pengguna, dan hak yang disediakan di bawah CPA tidak boleh diambil dari pengguna. Dalam hubungan ini, hak pengguna utama di bawah CPA adalah seperti berikut;

- a) Semua harga promosi atau insentif atau diskain istimewa yang dijanjikan oleh Syarikat mesti dihormati.(dipenuhi)
- b) Pelanggan mempunyai hak untuk mengharapkan(menjangka) kualiti tertinggi untuk produk kami.
- c) Sampel atau bahan yang dipaparkan tidak boleh berbeza daripada produk sebenar.
- d) Sebagai sebuah Syarikat kita mesti menghormati jaminan/waranti yang dinyatakan.
- e) Pelanggan berhak mendapat bayaran balik untuk item (barang) yang telah tidak diterima. (ditolak.)

Di dalam konteks ini, pengguna bermaksud pelanggan langsung Syarikat dan tidak termasuk pelanggan kepada pelanggan.

Selain itu, Institut Penyelidikan Standard dan Perindustrian Malaysia (“SIRIM”) ialah sebuah agensi kerajaan yang menjalankan penyelidikan industri saintifik dan menambah baik proses dan kaedah teknikal atas sebab dan tujuan perlindungan pengguna dan kualiti produk yang sama. Pensijilan SIRIM contohnya, sedang digunakan untuk mengiktiraf pengesahan keselamatan untuk produk elektrik dan elektronik. Tambahan pula, SIRIM QAS International Sdn Bhd., anak syarikat SIRIM, telah dilantik oleh Kastam Diraja Malaysia untuk menguruskan pemprosesan dan kelulusan permit import bagi peralatan komunikasi.

#### Undang-undang Utama Berkenaan

- Akta Jualan Barang 1957
- Akta Kontrak 1950 (“CA 1950”)
- Akta Kastam 1967
- Larangan Import 1998
- Akta Perlindungan Pengguna 1999 (CPA)
- Akta Perdagangan Elektronik 2006
- Peraturan Perlindungan Pengguna (Transaksi Perdagangan Elektronik) 2012 (“Peraturan CP 2012”) – peraturan yang dikeluarkan menurut CPA 1999, yang menetapkan satu set keperluan untuk dipatuhi dan dikuti oleh peniaga e-dagang
- Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Peraturan & Perintah [Pada 1 Julai 2020]
- Akta Jualan Barang 1957 (Akta 382) [Pada 25 Mac 2021]
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Peraturan & Perintah [Pada 5 April 2021]
- Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Pada 10 September 2018]
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), Peraturan, Peraturan & Perintah [Pada 10 April 2021]
- Akta Eksais 1976 [Pada 1 Julai 2021]
- Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67) [Pada 15 Jun 2021]

### **3.2 Persekutaran**

#### **Merealisasikan Kelestarian**

Sebagai satu bahagian utama aktiviti pengurusan perniagaan kami, Syarikat akan sentiasa mengambil berat terhadap kesan alam sekitar, pemuliharaan sumber, pengurangan sisa dan penjimatan tenaga. Pekerja hendaklah seiring dengan alam semula jadi di dalam semua bidang aktiviti korporat kami. Pekerja hendaklah memberi tumpuan untuk membangunkan teknologi untuk mencapai keseimbangan yang baik di antara persekitaran dan perniagaan. Pekerja hendaklah menjalankan aktiviti perlindungan alam sekitar di dalam kapasiti sendiri. Untuk mencapai kedua-dua pemeliharaan alam sekitar global dan pertumbuhan mampan Kumpulan AGC, setiap pekerja mesti memahami sasaran alam sekitar jangka sederhana hingga jangka panjang yang ditentukan oleh Kumpulan AGC, dan mempraktikkannya setiap hari. Setiap pekerja hendaklah berusaha, sebagai ahli komuniti kita, untuk memastikan pengumpulan dan pelupusan sampah yang disusun, penjimatan air, penjimatan kuasa, dan seumpamanya. Di samping itu, pekerja hendaklah memainkan peranan aktif dalam aktiviti pengindahan dan aktiviti lain yang sama seperti yang dijalankan di dalam dan sekitar komuniti kita.

Proses pembuatan kami akan mematuhi piawaian pemeliharaan alam sekitar dan piawaian keselamatan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang alam sekitar tempatan. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ("EQA") telah diluluskan untuk mencegah, mengurangkan, mengawal pencemaran dan meningkatkan alam sekitar di Malaysia. EQA membataskan pembuangan sisa ke alam sekitar yang melanggar syarat-syarat yang diterima. Sementara itu, Peraturan Alam Sekeliling (Efluen

Perindustrian) 2009 menggariskan peraturan untuk pembuangan atau pelepasan air sisa industri atau campuran sisa ke atas atau ke dalam mana-mana tanah atau ke dalam mana-mana air pedalaman di Malaysia.

Di dalam reka bentuk produk, pekerja hendaklah mencipta reka bentuk yang boleh memastikan keselamatan secukupnya, dan memberikan maklumat yang betul dan tepat yang berkaitan dengan produk. Dalam sasaran ini, kami mengumumkan usaha kami untuk pemeliharaan alam sekitar dan sumbangan kepada alam sekitar melalui produk kami di semua peringkat perniagaan syarikat, seperti pembangunan teknologi, perancangan, reka bentuk, pengeluaran, jualan dan pengendalian produk.

Syarikat mengakui bahawa bahan kimia adalah merbahaya kepada manusia dan alam sekitar secara keseluruhan. Pekerja-pekerja perlu memahami ciri-ciri bahan kimia yang digunakan di tempat kerja. Pekerja-pekerja hendaklah mematuhi prosedur yang ditetapkan dan amalan terbaik untuk penggunaan dan pengurusan bahan kimia berbahaya. Dalam kes kecemasan, pekerja-pekerja di harapkan mematuhi prosedur yang betul berdasarkan rujukan keselamatan kimia

Pekerja-pekerja perlu menghasilkan dan menyediakan produk yang memenuhi piawaian pemeliharaan alam sekitar dan piawaian keselamatan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang alam sekitar tempatan. Dalam reka bentuk produk, pekerja-pekerja perlu mencipta reka bentuk yang memastikan keselamatan yang mencukupi, serta memberikan maklumat yang tepat dan relevan berkaitan dengan produk

### **Pematuhan Peraturan dan Aturan Undang-Undang**

Pematuhan alam sekitar merujuk kepada mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian alam sekitar. Fungsi undang-undang alam sekitar adalah untuk melindungi kesihatan awam, pemuliharaan sumber semula jadi, kawalan pencemaran dan kawalan penggunaan tanah. Syarikat akan berkomitmen untuk menghasilkan dan menghantar produk yang memenuhi piawaian pemeliharaan alam sekitar dan piawaian keselamatan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang alam sekitar tempatan. Dalam reka bentuk produk, pekerja-pekerja akan mencipta reka bentuk yang memastikan keselamatan yang mencukupi, serta memberikan maklumat yang tepat dan relevan berkaitan dengan produk. Pematuhan dianggap sebagai elemen penting dalam tanggungjawab pekerja-pekerja untuk memelihara kelestarian dan pertumbuhan berterusan Syarikat. Semua pekerja dijangka memperlakukan pematuhan sebagai elemen penting dalam tanggungjawab mereka untuk memelihara kelestarian dan pertumbuhan berterusan Syarikat.

Pihak berkuasa kawal selia utama di Malaysia adalah Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air, Jabatan Perhilitan dan Taman Negara, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Jabatan Perhutanan serta agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Kerajaan Malaysia mempunyai beberapa undang-undang berkaitan alam sekitar seperti Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Perintah Kualiti Alam Sekitar 1989, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Perikanan 1985, senarai ini tidak lengkap kerana terdapat 34 Akta berkaitan perkara alam sekitar.

Semua pekerja AGC Malaysia perlu memahami kepentingan mematuhi undang-undang alam sekitar di Malaysia di mana Syarikat boleh dipantau dan disiasat kerana ketidakpatuhan atau pelanggaran oleh pegawai-pegawai penguasa kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan (pematuhan) dalam pelbagai cara termasuk:

(a) memerlukan perniagaan untuk mengekalkan dan mengemukakan laporan dan rekod;

- (b) memasuki, menyemak dan mencari premis;
- (c) memeriksa dan mencari kenderaan; dan
- (d) memerlukan dokumen dan maklumat untuk disediakan

Akta-akta yang diperuntukkan dalam bahagian ini diwujudkan untuk menangani kesan buruk alam sekitar daripada proses perindustrian yang mengawal dan menguatkuaskan isu pencemaran industri, air sisa, pencemaran udara dan pengurusan sisa. Terdapat keperluan ketat untuk Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Rancangan Pemantauan Alam Sekitar (EMP) untuk pembangunan dan projek sedia ada. Pelaksanaan dasar adalah sangat ketat dan perintah berhenti kerja serta-merta boleh dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan alam sekitar. Syarikat tersenarai awam kini dikehendaki melaksanakan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) memandangkan semakin ramai pelabur mencari syarikat ESG untuk pelaburan dan perniagaan;

### **Undang-undang Utama Berkenaan**

- Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972
- Akta Kualiti Alam Sekitar 1974
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- Akta Taman Negara 1980
- Akta Perhutanan Negara 1984
- Akta Perikanan 1985
- Perintah Kualiti Alam Sekitar 1989
- Ordinan Sumber Negara dan Alam Sekitar 1997
- Akta Industri Perkhidmatan Air 2006

### **3.3 Perhubungan dengan Pegawai Kerajaan dan Ahli Politik**

#### **Dana dan Aktiviti Politik**

Semua pekerja dikehendaki mengikuti prosedur dalaman yang diperincikan di dalam Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC yang merangkumi anti-rasuah dan garis panduan apabila membuat derma atau sumbangan atas nama Syarikat dan hendaklah menggunakan kesederhanaan di dalam menunjukkan budi bahasa atau bersosial dengan individu yang terlibat dalam politik atau pentadbiran kerajaan. Syarikat dan pekerjanya dilarang sama sekali menawarkan untuk memberi atau mencadangkan untuk memberi atau berjanji untuk memberi wang, hadiah dan keraian dan apa-apa faedah lain kepada penjawat awam/pegawai kerajaan, parti politik dan individu lain yang dilantik oleh undang-undang khas, apa-apa faedah dalam yang melanggar peraturan dalaman AGC dan undang-undang Malaysia.

Perlu diingat bahawa prinsip politik adalah perkara peribadi bagi setiap individu. Kumpulan AGC tidak membentarkan mana-mana organisasi syarikat untuk memaksa individu menyokong parti politik tertentu atau mengundi calon tertentu di luar kehendaknya. Anda bebas menyokong parti politik tertentu atau menjadi calon, dengan syarat parti itu bebas sepenuhnya daripada syarikat anda dan ia tidak boleh menghalang operasi syarikat anda. Jika anda perlu melibatkan diri dengan ahli politik dalam

perjalanan perniagaan, anda mesti terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan dan jika diluluskan, dokumenkan urusan sedemikian dengan butiran yang mencukupi dan pastikan pematuhan kepada semua undang-undang yang terpakai dan peraturan dalaman yang dinyatakan di bawah.

Undang-undang anti-rasuah Malaysia mempunyai peruntukan liabiliti korporat di mana organisasi itu dianggap telah melakukan jenayah jika pekerja atau sesiapa yang berkaitan dengan Syarikat mengambil bahagian dalam aktiviti rasuah atau terlibat dalam rasuah. Dalam konteks ini, kami ingin menekankan , bahwa pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas tindakan anda jika anda terlibat di dalam memberi atau menerima rasuah dan perbuatan itu dilakukan tanpa pengetahuan atau kelulusan tersirat dan tersirat daripada Syarikat AGC Malaysia.

Terdapat juga Pekeliling Perkhidmatan Awam yang turut memberi penjelasan dan memberi tumpuan kepada perkara yang boleh dan tidak boleh diterima dalam amalan.

- i. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Awam bil 3 Tahun 1998 Kerajaan Malaysia, garis panduan tersebut melarang sebarang pemberian wang tunai, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan melancong, perbelanjaan keraian, perkhidmatan, keahlian kelab, sebarang bentuk komisen. , hamper, barang kemas, barang hiasan dan apa-apa barang yang bernilai tinggi yang diberikan kepada pegawai awam.
- ii. Pegawai dibenarkan menerima hadiah yang nilainya kurang daripada RM500. Jika nilainya melebihi RM500 dikehendaki mengisyiharkan perkara tersebut kepada Ketua Jabatan (HOD) untuk kelulusan.
- iii. HOD akan memutuskan sama ada (1) untuk menganugerahkan hadiah kepada penerima (2) kepada jabatan (3) untuk memulangkan hadiah kepada pemberi.

Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian untuk hadiah melebihi RM500, dalam keadaan tertentu, seperti hadiah yang diterima daripada rakan, disebabkan persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan.

### **Undang-undang Utama Berkenaan**

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2018 (SPRM)
- Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) [Pada 1 September 2020]
- Kanun Keseksaan (Akta 574) [Pada 5 November 2020]
- Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67) [Pada 15 Jun 2021]
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) & Perundangan Subsidiari Terpilih [Pada 10 Oktober 2020]
- Akta Prosiding Kerajaan 1956 (Akta 359) & Akta Prosiding Kehakiman (Peraturan Laporan) 1962 (Akta 114) (Setakat 25 November 2019)

### **Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC**

- Peraturan Antirasuah AGC

Garis Panduan Antirasuah (versi ASEAN & India)

### 3.4 Pencegahan Perdagangan Orang Dalam

Perdagangan orang dalam (Insider Trading) ialah proses perdagangan secara sengaja atas maklumat hak milik, bukan awam mengenai masa depan firma oleh pegawai korporat atau pihak lain yang memiliki maklumat bukan awam itu. "Orang dalam" boleh menjadi pekerja di mana-mana peringkat, pengarah, pemegang saham dan/atau sesiapa sahaja yang memiliki maklumat dalaman kerana persatuan mereka dengan Syarikat atau dengan pegawai, pengarah atau pemegang saham utama Syarikat.

Polisi dan garis panduan Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC di bawah Peraturan Pencegahan dan Kawalan Perdagangan Orang Dalam, terpakai kepada semua kakitangan Kumpulan AGC di Malaysia. Polisi dan garis panduan ini juga terpakai kepada ahli keluarga anda yang tinggal bersama anda, sesiapa sahaja yang tinggal dalam rumah anda, dan ahli keluarga yang tidak tinggal dalam rumah anda tetapi yang transaksi sekuritinya diarahkan oleh anda atau tertakluk kepada pengaruh atau kawalan anda, serta amanah atau entiti lain yang anda buat keputusan pelaburannya

Dagangan orang dalam dalam konteks Malaysia terpakai kepada syarikat tersenarai awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia (Bursa Saham Malaysia). Dagangan atau urus niaga orang dalam dirangka sebagai pembelian atau penjualan sekuriti syarikat yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak seseorang yang mempunyai pengetahuan tentang maklumat material yang berkaitan tetapi bukan awam mengenai syarikat yang boleh menjelaskan harga sekuriti syarikat (maklumat sensitif harga) jika didekahkan kepada umum.

Di Malaysia selain daripada Peraturan Bursa Malaysia, Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") – telah digubal untuk mengawal selia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengan aktiviti, pasaran dan pengantara dalam pasaran modal. Di Malaysia, mana-mana individu yang melakukan perdagangan orang dalam, akan dikenakan tindakan jenayah dan sivil di bawah undang-undang Malaysia. di mana penalti untuk melakukan perdagangan orang dalam di Malaysia adalah berat: di mana seseorang boleh menghadapi hukuman penjara sehingga 10 tahun dan membayar denda tidak kurang daripada satu juta ringgit.

#### Undang-undang Utama Berkenaan

- Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA")
- Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993
- Peraturan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR)
- Peraturan dan Dokumen Utama Gunaan Dalaman Kumpulan AGC
- Prinsip Utama Penubuhan Majlis Kawalan Maklumat
- Peraturan Pencegahan dan Kawalan Perdagangan Orang Dalam

### 3.5 - Konfrontasi Dengan Kuasa Anti-Sosial

Tingkah laku anti-sosial biasanya ditakrifkan sebagai sebarang jenis kelakuan yang melanggar hak asasi orang lain atau sebarang tingkah laku yang dianggap mengganggu orang lain dalam masyarakat. Ini boleh dilakukan dalam pelbagai cara, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pencerobohan yang disengajakan serta

permusuhan yang tersembunyi dan terang-terangan. Malaysia mempunyai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLAATFA), diwartakan menjadi undang-undang pada 5 Julai 2001 dan berkuat kuasa pada 15 Januari 2002.

AMLAATFA memperuntukkan kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan pembiayaan keganasan. AMLAATFA menyediakan kuasa penyiasatan yang luas termasuk kuasa untuk agensi penguatkuasaan undang-undang dan Pendakwa Raya untuk membekukan dan merampas hartanah yang terlibat atau disyaki terlibat dalam kesalahan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, dan kuasa mahkamah untuk kehilangan harta yang diperoleh daripada hasil daripada jenayah berat.

Pembiayaan keganasan ialah tindakan bagi menyediakan sokongan kewangan, dibiayai sama ada daripada sumber yang sah atau tidak sah, kepada pengganas atau organisasi pengganas untuk membolehkan mereka melakukan tindakan keganasan atau akan menguntungkan mana-mana organisasi pengganas atau pengganas. Manakala kebanyakan dana itu berasal daripada aktiviti jenayah, ia juga mungkin diperoleh daripada sumber yang sah, contohnya, melalui gaji, hasil yang dijana daripada perniagaan yang sah atau penggunaan organisasi tidak berdasarkan keuntungan atau pertubuhan kebijakan untuk mengumpul dana melalui derma. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012(SOSMA), yang memperuntukkan langkah khas berkaitan kesalahan keselamatan bagi tujuan mengekalkan ketenteraman awam dan untuk perkara berkaitan.

Semua pekerja dilarang sama sekali daripada mempunyai sebarang perhubungan dengan kuasa anti-sosial. Kumpulan AGC telah mengumumkan pendirian korporatnya yang teguh dalam menghadapi kuasa anti-sosial dan memastikan bahawa kita sama sekali tidak akan mempunyai hubungan dengan mereka. Secara khusus, anda mesti memerhatikan perkara-perkara berikut.

#### Perkara Penting

- Jangan berikan sebarang dana atau kemudahan kepada kuasa anti-sosial tanpa mengira sebabnya . Jangan tunduk kepada sebarang ancaman dan tindakan buli daripada kuasa anti-sosial.
- Apabila berhadapan dengan kuasa anti-sosial, jangan bertindak sendirian. Sekiranya anda telah diancam oleh kuasa anti-sosial, anda harus segera memaklumkan kepada jabatan yang berkaitan dan melaporkan kepada polis, dan bertindak di bawah arahan mereka.
- Jangan gunakan kuasa anti-sosial.
- Jangan melanggan majalah dan surat khabar dikeluarkan oleh kuasa anti-sosial.
- Apabila memulakan transaksi dengan mana-mana perniagaan baru, anda mesti mengesahkan bahawa pengendali perniagaan tersebut itu tidak mempunyai sebarang perhubungan dengan kuasa anti-sosial.

#### Undang-undang Utama Berkenaan

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
- Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 97)
- Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012(SOSMA)



## Peringatan

Sekiranya terdapat sesuatu yang mencurigakan atau membimbangkan:



### 1. Rujuk buku panduan Tata Kelakuan

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau kebimbangan mengenai pematuhan, rujuk Kod ini. Ini akan memberi anda panduan dan senario untuk membantu anda membuat pilihan yang tepat.



### 2. Laporkannya

Sekiranya anda mengesyaki pelanggaran pematuhan, laporan ke talian bantuan pematuhan wilayah atau pihak pengurusan. Anda juga boleh menggunakan Sumber Pematuhan yang lain.



### 3. Bekerjasama dengan penyiasatan

Kumpulan AGC menyiasat laporan pelanggaran pematuhan dengan adil dan teliti. Semua pekerja diharapkan dapat bekerjasama sepenuhnya dengan penyiasatan Syarikat mengenai kemungkinan pelanggaran.



### 4. Pembalasan dilarang

Tindakan balas terhadap mana-mana individu yang melaporkan kemungkinan atau pelanggaran sebenar dengan niat baik dilarang sama sekali dalam Kumpulan AGC.



**May 2023**